

**MEMORANDUM DEPOSIT
RESIT DEPOSIT TETAP**

CIMB Bank Berhad [197201001799 (13491 - P)]

.....
.....
.....

..... 20.....

- 1. Sebagai balasan bagi anda memberikan, dan terus memberikan kemudahan kredit atau perbankan sebagaimana yang diperihalkan dalam Perkara 1 Jadual (“**Kemudahan**”) kepada pihak yang nama dan perihalnya dinyatakan dalam Perkara 2 Jadual (“**Peminjam**”), saya/kami menggadaikan kepada anda semua wang yang ada dalam kredit Deposit Tetap (ditakrifkan di bawah) sebagai jaminan berterusan untuk Kemudahan.

“**Deposit Tetap**” ertinya semua akaun deposit tetap atas nama saya/kami yang disebut dalam Perkara 3 Jadual atau yang mungkin akan disimpan dengan anda pada masa hadapan, termasuk apa-apa deposit tetap yang diperbaharui dan/atau diganti serta wang lain yang disimpan dalam akaun deposit tetap yang tidak disebut dalam Perkara 3 Jadual tetapi yang digadaikan atau dimaksudkan untuk digadaikan kepada anda dengan cara atau dokumen lain.

- 2. Saya/Kami bersetuju bahawa selagi cagaran ini berterusan dan Kemudahan tetap tertunggak dan melainkan saya/kami telah mendapat kebenaran bertulis anda terlebih dahulu, saya/kami tidak akan:
 - (i) menjual, memindahkan, menyerahkan, menggadaikan, membebankan, mencagarkan atau selainnya berurusan dengan atau melepaskan semua dan/atau mana-mana bahagian Deposit Tetap dalam apa jua cara; dan
 - (ii) mengeluarkan keseluruhan atau mana-mana bahagian Deposit Tetap atau sebarang faedah yang terakru di bawah Deposit Tetap tersebut.
- 3. Saya/Kami mengesahkan bahawa anda boleh memperbaharui Deposit Tetap yang digadaikan sebagaimana yang diarahkan pada masa penyimpanan Deposit Tetap. Jika tiada arahan sedemikian diberikan, saya/kami bersetuju bahawa anda boleh:
 - (i) memperbaharui Deposit Tetap itu bersama dengan faedah bagi tempoh yang sama seperti Deposit Tetap yang dicagarkan/digadaikan;
 - (ii) mengekalkan cagaran dan/atau gadaian itu ke atas Deposit Tetap yang diperbaharui; dan
 - (iii) mela rang pengeluaran apa-apa wang di bawah Deposit Tetap tersebut.

Semakan CIMB: November 2024

4. Saya/Kami bersetuju, selagi cagaran ini berterusan, untuk melakukan semua perbuatan dan perkara (termasuk melaksanakan atau menandatangani sebarang notis, pengesahan dan dokumen) sebagaimana yang semunasabahnya dikehendaki oleh anda berkaitan dengan Deposit Tetap atau cagaran anda di bawah Memorandum Deposit ini.
5. Saya/Kami bersetuju bahawa anda boleh, dengan notis bertulis kepada saya/kami sekurang-kurangnya 7 hari terlebih dahulu, dan tanpa diperlukan terlebih dahulu untuk:
 - (i) mengambil tindakan terhadap sebarang cagaran atau jaminan lain bagi pembayaran baki tertunggak Kemudahan; atau
 - (ii) mengambil apa-apa langkah atau prosiding terhadap Peminjam,mengeluarkan dan/atau menarik balik mana-mana atau semua Deposit Tetap dan/atau menggunakan, memindah atau menolak selesai wang dalam Deposit Tetap itu (sama ada wang pokok atau faedah dan sama ada sepenuhnya atau sebahagiannya) untuk pembayaran atau penyelesaian semua atau sebahagian daripada baki tertunggak Kemudahan. Jika mana-mana Deposit Tetap adalah dalam mata wang selain daripada Ringgit, anda boleh menukar baki kredit dalam Deposit Tetap itu kepada Ringgit pada kadar pertukaran serta-merta anda pada hari itu.
6. Saya/Kami bersetuju bahawa anda tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang kerugian yang ditanggung oleh saya/kami disebabkan pelaksanaan hak anda termasuk (tanpa had) apa-apa kerugian faedah, kecuali setakat kerugian tersebut dapat dianggap berpunca sepenuhnya daripada kecuaiian melampau atau keingkaran sengaja anda.
7. Saya/Kami juga bersetuju bahawa jika terdapatnya kegagalan atau kelewatan pada pihak anda untuk melaksanakan atau menguatkuasakan mana-mana hak anda dalam Memorandum Deposit ini, ia tidak akan bertindak sebagai penepian hak anda dan tidak akan memudaratkan atau menjejaskan hak anda dalam apa jua cara untuk bertindak mengikut hak dan kuasa anda dalam Memorandum Deposit ini.
8. Jika mana-mana terma atau syarat Memorandum Deposit ini adalah atau menjadi salah di sisi undangundang, tidak sah, dilarang atau tidak boleh dikuatkuasakan di bawah mana-mana undang-undang, perkara yang sama hanya akan dianggap tidak berkesan setakat kepenyalahan undang-undang, ketaksahan, larangan atau ketidakbolehan menguatkuasaan tersebut tanpa menjejaskan syarat dan terma lain Memorandum Deposit ini.
9. Saya/Kami bersetuju bahawa apa-apa penyata yang ditandatangani oleh pegawai anda mengenai amaun yang tertunggak bagi Kemudahan akan (kecuali dalam hal fraud atau kesilapan jelas) menjadi keterangan muktamad dan konklusif untuk semua tujuan.
10. Memorandum Deposit ini akan:
 - (i) berkuat kuasa untuk manfaat pemegang serah hak dan pengganti hak milik anda dan mana-mana orang yang kepadanya anda boleh memindahkan atau membuat novasi bagi apa-apa hak, hak milik, kepentingan dan obligasi di bawah Memorandum Deposit ini; dan
 - (ii) mengikat harta pusaka, wakil diri dan pengganti hak milik saya/kami (yang mana berkenaan).
11. Notis
 - (i) Sebarang notis yang perlu diberikan kepada anda (i) mestilah secara bertulis; (ii) ditandatangani oleh saya/kami; dan (iii) hanya akan berkuat kuasa apabila diterima oleh, dan dibuktikan dengan suatu pengakuan oleh anda; atau jika berkenaan, diberikan melalui saluran yang dibenarkan oleh anda.

- (ii) Notis dan komunikasi lain kepada saya/kami akan dihantar melalui mana-mana kaedah berikut dan akan disifatkan sebagai telah disampaikan kepada saya/kami dengan sewajarnya:
 - (a) jika dihantar melalui pos, pada hari ketujuh (7) selepas penghantaran; atau
 - (b) jika dihantar sendiri, pada masa penghantaran atau pengiriman; atau
 - (c) jika melalui kurier, dengan segera apabila nota konsainan kurier diakui; atau
 - (d) jika dihantar dengan apa-apa bentuk komunikasi serta-merta (termasuk e-mel, perkhidmatan pesanan ringkas (sms) dan rakaman suara), dengan serta-merta; atau
 - (e) jika melalui penerbitan pada laman web anda atau di mana-mana cawangan anda, pada hari penerbitan.
 - (iii) Saya/Kami bertanggungjawab untuk memastikan bahawa notis yang dihantar kepada saya/kami melalui mana-mana kaedah yang dinyatakan di atas tidak dibaca atau diakses oleh mana-mana pihak ketiga. Anda tidak akan bertanggungjawab dalam apa cara sekalipun untuk apa-apa kesipuan yang terhasil atau untuk sebarang kerugian atau kerosakan dalam apa cara sekalipun yang timbul, akibat tindakan pihak ketiga yang membaca atau mengakses notis tersebut.
 - (iv) Penyampaian mana-mana proses undang-undang boleh dilakukan melalui penyerahan secara peribadi atau melalui pos berdaftar atau pos biasa yang dihantar kepada saya/kami kepada alamat terakhir yang dikekalkan dalam rekod anda. Proses undang-undang tersebut akan disifatkan sebagai telah disampaikan dengan sewajarnya selepas tamat tempoh lima (5) hari dari tarikh ia dipos, atau jika dihantar melalui serahan tangan, pada hari ia dihantar.
 - (v) Sebarang notis yang diberikan kepada saya/kami oleh anda boleh ditandatangani oleh seorang pengarah, pengurus, penolong pengurus, pegawai atau mana-mana peguam cara yang berupa bertindak bagi pihak anda. Jika notis itu dijana komputer, tiada tandatangan akan diperlukan.
12. Perubahan dalam Alamat dan Butiran Peribadi
- (i) Saya/Kami faham bahawa notis yang sebenar mesti diberikan kepada anda tentang sebarang perubahan dalam alamat supaya perubahan alamat tersebut berkesan dan mengikat anda.
 - (ii) Selanjutnya, jika terdapat sebarang perubahan kepada (i) nombor telefon; (ii) alamat e-mel; dan/atau
 - (iii) butiran lain yang direkodkan dengan anda berkenaan dengan saya/kami (secara kolektif "**Butiran Peribadi**"), saya/kami mesti memaklukkannya kepada anda dengan segera untuk memastikan bahawa semua surat-menyurat dan/atau komunikasi sampai kepada saya/kami tepat pada masanya.
13. Saya/Kami bersetuju secara nyata (i) bahawa Memorandum Deposit ini akan dikawal oleh undang-undang Malaysia dan (ii) untuk patuh kepada bidang kuasa eksklusif mahkamah Malaysia.
14. Masa akan merupakan inti pati Memorandum Deposit ini.
15. Adalah dengan ini dipersetujui dan diakui bahawa Memorandum Deposit ini dan dokumen cagaran lain merupakan instrumen dalam satu transaksi untuk menjamin Kemudahan. Bagi maksud Seksyen 4(3) Akta Setem 1949, Perjanjian Kemudahan atau Surat Tawaran adalah disifatkan sebagai instrumen primer atau utama, sementara Memorandum Deposit ini dan dokumen cagaran lain adalah disifatkan sebagai instrumen tambahan atau sekunder.

[BAKI MUKA SURAT INI SENGAJA DIBIARKAN KOSONG]

JADUAL

ITEM	BUTIRAN	
1.	KEMUDAHAN	Jenis Kemudahan: Amaun Kemudahan: No. Akaun Kemudahan:
2.	PEMINJAM	Nama: No K/P atau Pasport: Alamat:
3.	DEPOSIT TETAP	Nama Pendeposit: No K/P atau Pasport: No. Akaun: Amaun:

DITANDATANGANI oleh)
(No K/P atau Pasport)
di hadapan:)

DITANDATANGANI oleh)
(No K/P atau Pasport))
di hadapan:)

Meterai biasa)
telah dicap di sini)
di hadapan:)

.....
PENGARAH
Nama:
No K/P atau Pasport

.....
PENGARAH/ SETIAUSAHA
Nama:
No K/P atau Pasport